

31 AUG 2002

Mahathir-Filipina/I

MALAYSIA SETUJU TANGGUH PENGHANTARAN PULANG PENDATANG FILIPINA

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Malaysia bersetuju untuk menangguhkan sementara penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin Filipina berikutan permintaan Presiden Gloria Macapagal Arroyo, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau (Arroyo) bertanya saya sama ada boleh ditangguhkan penghantaran pulang rakyatnya. Saya setuju kerana mereka mahu menghantar seseorang untuk melihat (bagaimana para pendatang tanpa izin Filipina dilayan sebelum dihantar pulang)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada para pemenang perlumbaan Merdeka Millenium Endurance, di sini, hari ini.

"Saya kata anda (Arroyo) boleh menghantar seseorang untuk melihat (bagaimana pendatang Filipina dilayan). Tidak ada masalah," katanya sambil mengesahkan laporan bahawa beliau menerima panggilan telefon Arroyo semalam untuk membincangkan isu itu.

Dr Mahathir berkata penangguhan sementara itu bukannya mengubah keputusan awal mengenai penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin Filipina.

Menurutnya apabila wakil Filipina datang ke negara ini dan berpuas hati bahawa Malaysia tidak memberi layanan buruk kepada rakyat negara itu, proses penghantaran pulang itu akan disambung semula.

"Kita telah membuat keputusan (untuk menghantar pulang pendatang asing tanpa izin). Kita telah menangguhkannya untuk memberi masa kepada mereka menguruskan apa yang perlu. Kini, tempohnya sudah berakhir dan ia adalah masa untuk mereka pulang, dan mereka mesti pulang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata laporan mengenai layanan buruk terhadap pendatang asing tanpa izin Filipina adalah tidak benar.

"Tidak ada apa yang berlaku. Kami melayan mereka (pendatang asing tanpa izin Filipina) dengan baik dan mereka sudah tinggal di negara ini begitu lama. Mereka pernah jatuh sakit di negara ini dan meninggal dunia di negara ini. Ia bukannya satu fenomena yang luar biasa," kata beliau.

Oleh itu, penyelesaiannya ialah dengan membenarkan wakil kerajaan Filipina melihat sendiri bagaimana pendatang tanpa izinnya dilayan, katanya.

Perdana Menteri berkata Filipina tidak menyatakan sebarang bantahan berhubung rancangan penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin itu.

-- BERNAMA

MSL MSL NAK